

# Dr. Mahathir tidak pernah miliki kepentingan dalam TV3

UM 13 MAY 2005

KUALA LUMPUR 12 Mei — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah memiliki kepentingan walau satu saham pun di dalam syarikat penyiaran Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3).

Satu kenyataan ringkas daripada syarikat tersebut menjelaskan, sejak penyenaaraiannya pada tahun 1988, rekod pemilikan Dr. Mahathir di dalam syarikat itu tidak pernah dikesan.

“TV3 dan pemiliknya, Media Prima Berhad (Media Prima) ingin memaklumkan bahawa rujukan sejarah dan rekod syarikat menunjukkan Dr. Mahathir tidak pernah menjadi pemilik saham TV3,” katanya

kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Ia sebagai mengulas kenyataan Dr. Mahathir semalam bahawa tuduhan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai beliau memiliki 70 peratus ekuiti di dalam TV3 adalah fitnah semata-mata.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Anwar di dalam rancangan *HARDtalk* siaran Perbadanan Penyiaran British (BBC) baru-baru ini.

Dr. Mahathir berpendapat, kenyataan tersebut dibuat untuk mempengaruhi masyarakat dunia bahawa dirinya adalah seorang pemimpin yang rasuah.

Beliau menambah, dirinya sekadar menjadi pemegang amanah kepada saham dan harta milik UMNO ketika menerajui parti dan ia juga dilakukan secara bersama dengan Timbalan Presiden dan Bendahari parti.

Kenyataan tersebut memberitahu, TV3 mula disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (ketika itu dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) pada 1988.

“TV3 kemudiannya dinyahsenaraikan pada 2003 apabila status penyenaaraiannya diambil alih oleh Media Prima, sekali gus menjadikan TV3 anak syarikat penuhnya,” katanya.